

Menyusu bayi bukan anak kandung

SOALAN:
BARU-BARU ini, terdapat kes bayi bertukar dan ibu memberikan susu badan kepada bukan anak kandungnya.

JAWAPAN:
SECARA asasnya, seseorang yang menyusukan bayi sekurang-kurangnya lima kali kenyang dikategorikan sebagai ibu susuan. Penyusuan seperti ini boleh menyebabkan berlakunya muhrim iaitu sesuatu yang boleh memberi kesan kepada pembinaan tubuh badan seseorang bayi, menumbuhkan daging dan menguatkan tulangnya.

Penyusuan yang sedikit tidak memberi kesan kepada pertumbuhan

bayi. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud yang bermaksud: "Tidaklah dinamakan penyusuan kecuali apa yang menumbuhkan daging dan menguatkan tulangnya."

Jumhur ulama seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Syafie mengatakan, ibu susuan dan bayi itu menjadi muhrim (haram nikah) apabila susu seorang wanita tersebut sampai ke perut bayi sama ada melalui halkum atau tidak menerusi cara menyusui secara langsung atau menggunakan medium lain.

Selain itu, al-Quran ada menjelaskan secara terperinci tentang perempuan yang haram dikahwini, termasuk ibu susuan dan anak-anak daripada ibu susuan.

Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 23 yang bermaksud: "*Dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu (haram dikahwini).*"

Pengharaman perkahwinan dengan sebab susuan dikuatkan lagi menerusi sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Diharamkan dengan sebab susuan apa yang diharamkan dengan sebab keturunan."

Berdasarkan hukum dalam al-Quran, hadis dan pandangan jumhur ulama, sekiranya berlaku penyusuan yang banyak (sekurang-kurangnya lima kali susuan), maka hukum hubungan bayi dan perempuan itu adalah ibu susuan. Anak-anak kepada perempuan itu menjadi saudara susuan dan mereka adalah muhrim yang haram untuk berkahwin.

Menurut Ibn Qudamah dalam kitabnya *al-Mughni*, sekiranya berlaku syak atau ragu-ragu, adakah berlaku penyusuan dan jumlah penyusuan yang boleh menyebabkan berlakunya muhrim. Maka hukumnya adalah tidak disabitkan sebagai muhrim kerana hukum asalnya adalah bukan muhrim.

AN-NUR

Bersama
PROF. MADYA
DR. FARIZA MD. SHAM
farsham@ukm.edu.my

